

PERSIDANGAN WANITA DALAM EKONOMI

Memikirkan Semula Keusahawanan Wanita Hari Ini

24-25 Sept 2018 • Hotel Ixora, Pulau Pinang • 8:30pagi - 5:30ptg

BORANG PENYERTAAN

Borang yang lengkap mestilah dihantar kepada:
Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia
F: +604 261 2839 | E: wee@pwdc.org.my

Yuran Pendaftaran
MYR100
seorang

BUTIRAN PESERTA

Nama: _____

Organisasi: _____

Jawatan: _____

Alamat surat-menyurat: _____

No.telefon: _____ E-mel: _____

Kategori: Saya ingin memulakan perniagaan baru
 Saya seorang peniaga dan ingin mengembangkan perniagaan saya
Sila pilih satu Saya mempunyai produk untuk dijual dan/atau perkhidmatan untuk ditawarkan

Jenis produk/perkhidmatan: _____

Diet: Tiada keutamaman Vegetarian

Pendaftaran dan Pembayaran

Penyerahan borang pendaftaran adalah dianggap sebagai tempahan yang sah. Walau bagaimanapun, pendaftaran hanya akan disahkan selepas bayaran penuh telah diterima. Bayaran penuh mesti diterima pada masa pendaftaran dan selewat-lewatnya pada 7 September 2018. Sekiranya bayaran penuh tidak diterima pada masa itu, pendaftaran akan dibatalkan dan pemohon tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan persidangan. Kami menerima bayaran secara cek dan tunai.

Cek bayaran boleh dibuat kepada "PWDC SDN BHD"

Deklarasi

Saya mengisyiharkan bahawa saya menyertai "Persidangan Wanita Dalam Ekonomi: Memikirkan Semula Keusahawanan Wanita Hari Ini" yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah di bawah risiko saya sendiri.

Dengan menghantar borang ini, saya bersetuju untuk tidak mensabitkan PWDC, ahli jawatankuasa pengajur dan semua yang membantu menganjurkan persidangan ini dari sebarang dan segala kerosakan, ganti rugi, kecederaan, penghakiman dan tuntutan, yang diketahui dan yang tidak diketahui, yang mungkin dialami oleh sesiapa ataupun harta benda.

Saya memberi kebenaran untuk gambar saya diambil oleh pihak PWDC semasa mengambil bahagian dalam persidangan ini. Seterusnya, saya memberi kebenaran untuk penerbitan gambar saya untuk apa-apa tujuan dan apa-apa bentuk. Sekiranya saya tidak ingin gambar saya diambil, saya akan memaklumkan pihak pengajur

Tandatangan

Nama

Tarikh



Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia
T: +604 261 2835; 261 5261 | F: +604 261 2839
E: wee@pwdc.org.my
www.pwdc.org.my

PERSIDANGAN WANITA DALAM EKONOMI

Memikirkan Semula

Keusahawanan Wanita Hari Ini

24- 25 September 2018 • Hotel Ixora, Seberang Perai, Pulau Pinang
8:30 pagi - 5:30 petang

Pengajur




Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik

Pengajur



Pengajur



Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik



Rakan Kongsi Strategik

MASA UNTUK BERTINDAK
JADILAH ARUS PERUBAHAN

PERSIDANGAN WANITA DALAM EKONOMI

Memikirkan Semula
Keusahawanan Wanita Hari Ini

24 – 25 September 2018

HOTEL IXORA

Seberang Perai, Pulau Pinang
8:30 pagi - 5:30 petang

PENYAMPAI UCAPAMA

Y.A.B. Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Cynthia Hwang Siew Peng
Pengarah Eksekutif, Suiwah Corporation Berhad

wie.pwdc.org.my



PENANG
INSTITUTE



United Nations
Development
Programme

Berkenaan Persidangan Wanita dalam Ekonomi

Persidangan Wanita dalam Ekonomi diadakan untuk membina ekonomi yang mampu untuk wanita Pulau Pinang.

Tema Persidangan Wanita dalam Ekonomi adalah "Memikirkan Semula Keusahawanan Wanita Hari Ini". Persidangan ini akan menjadi tempat pertemuan penting untuk mengkaji-susun dasar dan program yang menyokong kaum wanita dalam ekonomi dan mendapat input untuk memperkasakan wanita dalam bidang ekonomi.

Penduduk wanita merangkumi separuh daripada penduduk dunia. Namun, menurut *UN Women*, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (KPTBW) di dunia adalah 49.6% berbanding dengan kadar lelaki 76.1% pada tahun 2015. Di Malaysia, data dari Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa KPTBW telah meningkat secara beransur dari lebih kurang 46% pada tahun 2010 kepada 54.7% pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, KPTBW Malaysia masih merupakan di antara yang terendah di ASEAN.

Cara bagaimana kita bekerja dipengaruhi oleh banyak faktor. Antaranya adalah kesan globalisasi, inovasi digital, perubahan iklim, isu-isu budaya dan sosio-ekonomi. Adalah dijangka dalam masa yang terdekat, lebih ramai wanita akan menceburi tenaga buruh dunia. Tetapi adakah potensi ekonomi mereka direalisasikan sepenuhnya? Bayangkan dunia di mana wanita memainkan peranan yang sama dengan lelaki di pasaran buruh. Menurut Laporan Jurang Gender Global 2017 oleh *World Economic Forum*, KDNK dunia akan meningkat US\$5.3 trilion menjelang tahun 2025 jika jurang gender dalam penyertaan ekonomi dikurangkan sebanyak 25% dalam tempoh yang sama.

Persidangan ini juga berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN Sustainable Development Goals, SDGs); Matlamat 5: "Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan (*Goal 5: Achieve gender equality and empower all women and girls*)" dan Matlamat 8: "Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, inklusif dan lestari, guna tenaga yang sepenuhnya dan produktif serta kerja yang bersesuaian untuk semua (*Goal 8: Promote sustained, inclusive and sustainable economic growth, full and productive employment and decent work for all*)". Ini adalah selaras dengan Agenda 2030 SDGs supaya tiada yang ketinggalan.

Objektif Persidangan

Untuk MENEROKAI apakah maksud ekonomi kepada wanita dan memberi pendedahan berkenaan inisiatif dan kerjasama yang sedia ada atau membina yang baharu untuk memberi akses kepada peluang menjana pendapatan terutamanya wanita dalam sektor tidak formal.

Untuk MEMPERKUKUH pengetahuan bersama mengenai wanita dalam ekonomi melalui perkongsian amalan terbaik dan pembelajaran dari pengalaman bagi mencapai transformasi perubahan.

Untuk MENGENALPASTI jurang dan cabaran bagi wanita untuk menyumbang kepada ekonomi dan menggubal strategi untuk mengatas halangan tersebut ke arah mencapai ekuiti gender dalam ekonomi.

Hasil Persidangan

Platform Untuk BERKONGSI pengetahuan dalam amalan terbaik, pembelajaran dari pengalaman dan kerjasama perniagaan yang sedia ada atau yang baharu bagi memperkasa wanita dalam bidang ekonomi.

MENGHUBUNGKAN kerajaan, kumpulan kerja wanita dan pihak berkaitan bagi mencapai kerjasama sepakat ke arah pengukuhan peranan wanita dalam ekonomi dan menubuhkan kumpulan kerja yang bertanggungjawab untuk memacu inisiatif yang berkaitan.

LAPORAN Persidangan yang merangkumi cadangan-cadangan daripada peserta berkaitan alatan dan pertunjuk, ukuran kejayaan dan strategi yang diperlukan bagi memperkasa wanita dalam bidang ekonomi secara mampu.

Acara Tematik

Persidangan ini dibahagikan kepada empat acara tematik:

1. Perbincangan Panel

Tajuk: "**Pai Ekonomi – Semua Wanita Boleh Mengambil Bahagian**"

Perbincangan panel ini akan merungkai dan membincang strategi-strategi bagi memperkasa wanita untuk menceburi pasaran buruh terutamanya dalam sektor tidak formal.

2. Pembentangan Panel

Tajuk: "**Dari Mula Sehingga Tamat**"

Tiga (3) sesi pembentangan panel yang bertumpu kepada pengetahuan mengurus sesbuah perniagaan, rantaian bekalan serta pemasaran dan penjualan produk atau perkhidmatan.

3. Sesi Kerja

Dua (2) sesi kerja akan diadakan dengan tiga (3) kumpulan secara serentak.

Tajuk: "**Apakah Yang Boleh Saya Perolehi**"

Sesi kerja berkaitan cara-cara dan amalan terbaik bagi memperkasa wanita mencebur dan berjaya dalam bidang ekonomi.

Tajuk: "**Merangka Pelan Tindakan**"

Sesi Kerja bertujuan untuk mengenalpasti halangan, merangka strategi bagi menangani halangan dan merangka pelan tindakan masa hadapan.

4. Sesi Jaringan Kerjasama

Tajuk: "**Pemetaan Perniagaan**"

Sesi jaringan kerjasama untuk mengukuhkan dan membentuk kerjasama strategik. Dianggarkan 40 organisasi bakal memperkenalkan idea perniagaan, produk dan perkhidmatan mereka.

Bahasa

Persidangan ini akan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara utama. Beberapa bahasa lain juga digunakan termasuk Bahasa Melayu, terutamanya dalam Sesi Kerja.

Siapa Yang Perlu Hadir

Persidangan ini terbuka kepada semua yang berminat terutamanya wanita yang terlibat (atau yang ingin terlibat) dalam bidang ekonomi dan semua yang berminat membantu membina ekonomi yang mampu untuk negara. Pegawai kerajaan, pemimpin komuniti, wakil institusi kewangan, wakil industri dan ahli akademik turut digalakkan.

Kos

Yuran bagi persidangan dua (2) hari adalah sebanyak MYR100. Yuran termasuk dua (2) jamuan makan tengah hari dan enam (6) jamuan minum pagi/petang.

Pendaftaran

Sila lengkapkan borang lampiran dan hantar kepada alamat PWDC yang tertera. Anda juga boleh mendaftar dan membuat pembayaran dalam talian melalui laman web <http://wie.pwdc.org.my/>.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 7 September 2018. Tempat adalah terhad, anda digalakkan membuat pendaftaran segera.